



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000

Ruj. Kami : (44)d/m.PPK 2592/H
Tarikh : 13 Januari 2025

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Dato' Indera/ Datin Paduka/ Datin/ Tuan/ Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL 2/2025:
PENUBUHAN UNIT PERLINDUNGAN SINARAN (UPS) DI FASILITI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) SEBAGAI PEMATUHAN
KEPADA KEPERLUAN REGULATORI DI BAWAH AKTA PERLESENAN TENAGA
ATOM 1984 (AKTA 304) BAGI MAKSUD PERUBATAN**

1.0 TUJUAN

Surat pekeliling ini bertujuan menerangkan keperluan penubuhan, fungsi dan struktur organisasi Unit Perlindungan Sinaran (UPS). Penubuhan UPS ini untuk mematuhi keperluan regulatori di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) bagi maksud perubatan dalam menyelaraskan aktiviti-aktiviti Program Perlindungan Sinaran (PPS) secara berpusat, efisien dan sistematik di fasiliti perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Penggunaan sinaran mengion perlu mencapai keadaan operasi yang dapat memenuhi keperluan keselamatan sinaran bagi memastikan perlindungan kepada pesakit, pekerja dan orang awam termasuk harta benda dan alam sekitar daripada risiko sinaran yang tidak wajar. Dalam bidang perubatan, penggunaan sinaran mengion hendaklah serendah yang munasabah dapat dicapai, (*as low as reasonably achievable* - ALARA) bagi mengimbangi risiko dan faedah daripada aktiviti yang dijalankan.

2.2 Fasiliti perubatan yang menggunakan bahan radioaktif beraktiviti tinggi atau yang berkaitan dengannya hendaklah memenuhi keperluan sekuriti *radiological* bagi memastikan langkah pencegahan, pengesanan dan tindak balas dapat diambil dengan berkesan apabila berlaku sebarang insiden kecurian, kehilangan dan sabotaj. Kesemua keperluan yang menjadi faktor kepada aspek keselamatan dan perlindungan sinaran ini perlu dipantau dan dilaksanakan langkah-langkah pembaikan dan pencegahan dari semasa ke semasa.

2.3 Oleh itu, setiap fasiliti perubatan perlu mewujudkan dan melaksanakan PPS dan tatacara keselamatan, termasuk pelan kecemasan. PPS merupakan sebahagian daripada elemen pengurusan keselamatan dan perlindungan sinaran yang mana direka bentuk untuk memastikan semua aktiviti dan operasi yang melibatkan sinaran mengion dapat memenuhi keperluan yang ditetapkan. Ini adalah selaras dengan kehendak Sub-Peraturan 15 (4) dalam Peraturan-Peraturan Pelesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 di bawah Akta 304, iaitu:

"Pemegang lesen hendaklah mewujudkan dan menyenggarakan suatu program perlindungan sinaran dan tatacara keselamatan, termasuk pelan kecemasan untuk memastikan perlindungan terhadap kesihatan pekerja dan orang awam dan meminimumkan bahaya kepada nyawa, harta benda dan alam sekitar."

2.4 Salah satu elemen penting dalam PPS adalah mewujudkan satu Jawatankuasa Perlindungan Sinaran (JPS) yang dianggotai oleh Pemegang lesen (PL) / Orang Yang Bertanggungjawab (OBTj), Pegawai Perlindungan Sinaran (*Radiation Protection Officer* - RPO), Pegawai Penyelia Sinaran (*Radiation Protection Supervisor* - RPS) dan semua pihak yang terlibat dengan penggunaan sinaran mengion. JPS merupakan medium untuk membincangkan mekanisme patuhan dan langkah-langkah pembaikan serta pencegahan ke atas keperluan di bawah Akta 304 dan peraturan di bawahnya bagi maksud perubatan. Keperluan ini telah dinyatakan di dalam

surat edaran Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) bertarikh 22 Jun 2017: Makluman Edaran "Garis Panduan Penyediaan Manual Program Perlindungan Sinaran (PPS) bagi Fasiliti Perubatan Kerajaan dan Swasta".

- 2.5 Bagi meningkatkan kualiti pelaksanaan PPS agar lebih berpusat, efisien dan sistematik, KKM membuat keputusan untuk mewujudkan dan menubuhkan UPS di fasiliti perubatan KKM. UPS akan memainkan peranan untuk melaksanakan PPS dan menjadiurus setia kepada JPS. Pelaksanaan UPS akan dimulakan ke atas beberapa fasiliti perubatan KKM yang mempunyai penempatan jawatan Pegawai Sains (Fizik) yang berperanan sebagai RPO. Melalui penubuhan UPS ini, KKM dapat melaksanakan program PPS dengan lebih berkesan dan teratur bagi mencapai objektif keselamatan dan perlindungan sinaran seterusnya memenuhi keperluan regulatori yang ditetapkan di bawah Akta 304.

3.0 STRUKTUR ORGANISASI DAN FUNGSI UPS

- 3.1 Tujuan utama UPS ditubuhkan bagi memastikan pematuhan mengikut Akta 304 dalam menyelaras dan memperkukuhkan aktiviti kawal selia sinaran perubatan di fasiliti perubatan KKM.
- 3.2 UPS akan menyediakan kemudahan bagi pematuhan aktiviti PPS dan menyelaras pengurusan unit termasuk sumber manusia, peruntukan dan keperluan dasar Pegawai Sains (Fizik) di fasiliti perubatan KKM. Struktur organisasi UPS dinyatakan di **Lampiran 1**, manakala fungsi UPS pula dinyatakan di **Lampiran 2**.

4.0 PELANTIKAN KETUA DAN ANGGOTA UPS DI FASILITI PERUBATAN

4.1 ANGGOTA UPS

- 4.1.1 Anggota UPS dilantik di kalangan Pegawai Sains (Fizik) daripada mana-mana jabatan yang terlibat oleh Pengarah fasiliti perubatan KKM sehingga jawatan hakiki di UPS diwujudkan.

4.1.2 Anggota UPS boleh dilantik secara giliran dan masih tertakluk kepada tugas hakiki di Jabatan mengikut waran perjawatan sehingga jawatan hakiki di UPS diwujudkan.

4.1.3 Bagi tujuan perkeranian dan operasi, khidmat Pembantu Tadbir/ Pegawai Kontrak/ MySTEP boleh dimohon melalui prosedur yang sedia ada.

4.2 KETUA UPS

4.2.1 Pegawai Sains (Fizik) di gred tertinggi dan paling kanan di fasiliti perubatan KKM dilantik sebagai Ketua UPS dan berperanan sebagai RPO oleh Pengarah fasiliti perubatan.

4.2.2 Ketua UPS masih tertakluk kepada tugas hakiki beliau di Jabatan mengikut waran perjawatan sehingga jawatan hakiki di UPS diwujudkan.

4.2.3 Peranan RPO adalah seperti di **Lampiran 3**.

4.2.4 Penggiliran Ketua UPS tertakluk kepada keperluan & arahan semasa oleh Ketua Jabatan.

5.0 BAJET DAN PERJAWATAN

Peruntukan belanja mengurus UPS adalah di bawah Program Penyelidikan dan Sokongan Teknikal, KKM. Pengurusan UPS masih belum dapat berfungsi secara optimum kerana prasarana dan perjawatan Pegawai Sains (Fizik) sedia ada yang terhad. Oleh yang demikian, sokongan penuh daripada pihak Pengarah Kesihatan Negeri, Pengarah fasiliti perubatan, Ketua Kepakaran dan Ketua Jabatan adalah sangat diperlukan.

6.0 PERANAN PENGARAH FASILITI PERUBATAN

6.1 Penyelarasan PPS dan pelaksanaan aktiviti pematuhan regulatori di bawah Akta 304 bagi maksud perubatan adalah merupakan salah satu tanggungjawab utama dalam senarai tugas Pegawai Sains (Fizik) di fasiliti

perubatan yang berurusan dengan sumber sinaran mengion dan tidak mengion.

6.2 Pengarah fasiliti perubatan diminta memberi sokongan sepenuhnya dalam melancarkan dan menjayakan fungsi UPS dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut :

- a) Menyediakan bilik / ruang kerja khas bagi aktiviti UPS berserta dengan keperluan dan kelengkapan asas pejabat yang diperlukan;
- b) Menyediakan kemudahan pejabat seperti komputer dan pencetak, talian telefon serta akses internet di UPS;
- c) Menempatkan sebilangan Pegawai Sains (Fizik), sama ada secara penuh ataupun separuh masa bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti rutin UPS, sehingga perjawatan hakiki diluluskan dan pengisian jawatan dilaksanakan;
- d) Mendapatkan khidmat Pembantu Tadbir / Pegawai Kontrak / *MySTEP* melalui prosedur yang sedia ada; dan
- e) Memberi sokongan kepada Ketua UPS dalam menjalankan tugas dengan mempengerusikan Jawatankuasa Perlindungan Sinaran di fasiliti perubatan yang terdiri daripada semua Ketua Jabatan yang berkenaan.

7.0 KAEDAH DAN TEMPOH PELAKSANAAN

UPS di fasiliti perubatan KKM akan ditubuhkan secara berfasa seperti berikut:

7.1 FASA 1 : TAHUN PERMULAAN PELAKSANAAN 2025

7.1.1 Fasiliti perubatan KKM yang mempunyai Jabatan Radiologi, Radioterapi & Onkologi dan Perubatan Nuklear.

7.1.2 Fasiliti perubatan negeri KKM yang mempunyai Jabatan Perubatan Nuklear dan Radiologi.

7.1.3 Fasiliti perubatan KKM dengan Jabatan Radiologi yang mempunyai 3 atau lebih Pegawai Sains (Fizik).

7.2 FASA 2 : TAHUN PERMULAAN PELAKSANAAN 2028 DAN SETERUSNYA

- 7.2.1 Fasiliti perubatan KKM yang berstatus Pakar Major dan mempunyai Pegawai Sains (Fizik).
- 7.2.2 Fasiliti perubatan KKM dengan Jabatan Radiologi sahaja dan mempunyai sekurang-kurangnya 2 orang Pegawai Sains (Fizik).
- 7.2.3 Fasiliti perubatan negeri KKM yang mempunyai Jabatan Radioterapi & Onkologi dan Radiologi.
- 7.2.4 Pelaksanaan UPS di fasiliti perubatan KKM dengan Jabatan Radiologi sahaja dan mempunyai seorang Pegawai Sains (Fizik) akan dijalankan secara berperingkat selaras dengan pertambahan perjawatan di fasiliti perubatan tersebut.
- 7.2.5 Pelaksanaan UPS di fasiliti perubatan KKM yang tiada Pegawai Sains (Fizik) tetapi mempunyai sumber sinaran perlu dijalankan secara berperingkat sehingga perjawatan Pegawai Sains (Fizik) diwujudkan di fasiliti perubatan tersebut.

Nota :

- 1. Pelaksanaan UPS di fasiliti perubatan KKM berpakar baharu yang mempunyai Pegawai Sains (Fizik) dan beroperasi bermula tahun 2025 adalah mengikut Fasa 2.
- 2. Pelaksanaan PPS bagi fasiliti perubatan atau kesihatan KKM yang mempunyai sumber sinaran dan tidak mempunyai Pegawai Sains (Fizik), adalah berjalan seperti amalan sedia ada mengikut Surat Edaran Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) bertarikh 22 Jun 2017 sehingga perjawatan Pegawai Sains (Fizik) diwujudkan.
- 3. Senarai hospital Fasa 1 dan Fasa 2 diperincikan di **Lampiran 4**.

8.0 TANGGUNGJAWAB PELAKSANAAN PEKELILING

Pengarah Kesihatan Negeri dan Pengarah fasiliti perubatan bertanggungjawab memastikan pekeliling ini dilaksanakan dengan baik.

9.0 TARIKH KUAT KUASA

Pelaksanaan pekeliling ini adalah berkuatkuasa daripada tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan.

10.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi saluran berikut :

Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

Aras 4, Blok E3, Kompleks E

62590 Putrajaya

(u/p: Wakil Ahli Jawatankuasa Teknikal Profesion Pegawai Sains (Fizik) KKM)

melalui e-mel : bkrp@moh.gov.my.

11.0 PENUTUP


YBhg. Dato' Seri/ Datuk/ Dato' Indera/ Datin Paduka/ Dato' /Datin /Tuan/ Puan adalah bertanggungjawab untuk memastikan arahan dalam pekeliling ini dihebahkan dan dipatuhi. Penglibatan daripada semua anggota kesihatan KKM adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN)

s.k : Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Pergigian)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Keselamatan & Kualiti Makanan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Bahagian Kewangan

Setiausaha Bahagian Sumber Manusia

Semua Ketua Kepakaran

SENARAI EDARAN

IBU PEJABAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Program Perubatan

1. Bahagian Perkembangan Perubatan
2. Bahagian Amalan Perubatan
3. Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
4. Bahagian Kejururawatan
5. Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari

Program Kesihatan Awam

1. Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
2. Bahagian Kawalan Penyakit
3. Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam
4. Bahagian Pendidikan Kesihatan
5. Bahagian Pemakanan

Program Penyelidikan & Sokongan Teknikal

1. Bahagian Perancangan
2. Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan
3. Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan

Program Kewangan

1. Bahagian Perolehan & Penswastan
2. Bahagian Kewangan
3. Bahagian Akaun

Program Pengurusan

1. Bahagian Sumber Manusia
2. Bahagian Khidmat Pengurusan
3. Bahagian Pembangunan Kompetensi
4. Bahagian Pengurusan Maklumat
5. Bahagian Pengurusan Latihan

Program di KKM

1. Bahagian Pembangunan
2. Bahagian Dasar & Hubungan Antarabangsa
3. Penasihat Undang-undang
4. Audit Dalam
5. Unit Komunikasi Korporat
6. Unit Integriti
7. Unit Pemantauan Dasar

JABATAN KESIHATAN NEGERI

1. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
2. Pengarah,
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
3. Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan
4. Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
5. Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
6. Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
7. Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
8. Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri kedah

9. Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

10. Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

11. Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

12. Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

13. Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak


14. Pengarah,
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

15. Pengarah,
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan


SEMUA PENGARAH FASILITI PERUBATAN KKM

STRUKTUR ORGANISASI UNIT PERLINDUNGAN SINARAN (UPS)


A. Bagi Fasilitas Perubatan KKM yang mempunyai Jabatan Radiologi, Radioterapi & Onkologi dan Perubatan Nuklear.




B. Bagi Fasilitas Perubatan Negeri yang mempunyai Jabatan Perubatan Nuklear dan Radiologi.



C. Bagi Fasilitas Perubatan Pakar Major yang mempunyai Jabatan Radioterapi & Onkologi dan Radiologi.



D. Bagi Fasilitas Perubatan KKM yang mempunyai Jabatan Radiologi sahaja.



FUNGSI UNIT PERLINDUNGAN SINARAN (UPS)

A. Pelaksanaan dan Pematuhan kepada Undang-Undang

1. Berperanan selaku urus setia Jawatankuasa Perlindungan Sinaran fasiliti perubatan dalam melaksanakan aktiviti keselamatan dan perlindungan sinaran di bawah Akta 304 dan peraturan di bawahnya termasuklah sekuriti dan urusan pelupusan.
2. Pengurusan dan pengemaskinian rekod Sijil Pendaftaran termasuk kelulusan memasang, mengguna atau menstor radas penyinaran/bahan radioaktif di fasiliti perubatan.
3. Pemantauan dan pelaksanaan Program Perlindungan Sinaran peringkat fasiliti perubatan.
4. Penyelarasan pemeriksaan perubatan bagi pekerja sinaran.
5. Pelaksanaan audit keselamatan dan perlindungan sinaran.
6. Penyelarasan dan pelaksanaan ujian integriti pakaian perlindungan peribadi (PPE).
7. Penyelarasan dan pelaksanaan pengelasan dan pemantauan kawasan.
8. Penglibatan dalam penyelarasan dan pelaksanaan Pelan Tindakbalas Kecemasan *Radiological & Nuclear*.

B. Latihan dan Penyelidikan

1. Penganjuran latihan dan taklimat kesedaran keselamatan dan perlindungan sinaran untuk pekerja, pesakit dan orang awam.
2. Pelaksanaan kajian dan penyelidikan bersama agensi di dalam dan luar negara.
3. Penyelarasan program latihan *Clinically Qualified Medical Physicist* (CQMP) untuk Pegawai Sains (Fizik).

C. Konsultasi dan Khidmat Nasihat Teknikal

1. Penyediaan dan penilaian spesifikasi teknikal.
2. Pengujian dan pentaullahan peralatan sinaran.
3. Pemasangan dan penstoran sumber sinaran.
4. Pelupusan radas penyinaran, bahan radioaktif dan kemudahan berkaitan.
5. Pemantauan dan pelaksanaan Ujian Kawalan Mutu (*Quality Control - QC*) di Jabatan yang tiada Pegawai Sains (Fizik).
6. Pemantauan dan kawal selia radas penyinaran darah.
7. Pemantauan peranti perubatan sinaran tidak mengion.
8. Penyampaian khidmat nasihat kepada semua kakitangan fasiliti perubatan berkaitan penggunaan dan keselamatan sinaran dalam perubatan.

D. Individual Monitoring Services

1. Perancangan dan pelaksanaan pengurusan dosimetri dedahan pekerjaan di fasiliti perubatan KKM.
2. Penyelarasan dan pelaksanaan perkhidmatan analisa dosimetri pekerja sinaran.
3. Berperanan sebagai pakar rujuk metrologi sinaran perubatan KKM.
4. Penyelarasan dan pengurusan Akreditasi dan Pensijilan daripada Jabatan Standard Malaysia (JSM) bagi pengiktirafan di bawah ISO IEC 17025 (*Testing and Calibration Laboratories*) secara berterusan.

E. Incident and Accident Radiological & Nuclear

1. Penyelarasan pasukan bertindak kecemasan *radiological and nuclear* di peringkat fasiliti perubatan.
2. Pemusatan pengurusan peralatan saintifik perlindungan sinaran untuk digunapakai sekiranya berlaku kejadian kecemasan *radiological and nuclear*.
3. Penyelarasan penyiasatan dedahan luar jangka pekerja sinaran dan sebarang isu yang berkaitan.

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN (RPO)

1. Memastikan pematuhan terhadap keperluan keselamatan dan sekuriti berdasarkan syarat kelulusan.
2. Mengenal pasti sama ada keperluan keselamatan sinaran yang berkaitan untuk sumber sinaran dan premis di mana amalan dijalankan adalah dipatuhi.
3. Melaksanakan pemantauan perlindungan sinaran rutin dan audit dalaman.
4. Mengkaji secara berkala keselamatan dan Program Perlindungan Sinaran bagi memastikan keberkesanannya secara berterusan dan memberi nasihat kepada pemegang lesen mengenai keputusan kajian tersebut.
5. Menyediakan dan melaksanakan polisi dan prosedur bertulis keselamatan dan perlindungan sinaran.
6. Membantu Jawatankuasa Perlindungan Sinaran (JPS) dalam melaksanakan peranan utama.
7. Mengurus penyediaan dan pelaksanaan pelan kecemasan *radiological* dan nuklear serta kesiapsiagaan.
8. Memberi latihan kepada pekerja sinaran yang terlibat dalam proses dan pengendalian dedahan sinaran kepada pesakit.
9. Menyimpan rekod pengguna atau pekerja sinaran
10. Menyemak semua rekod berkaitan sumber sinaran dan peribadi pekerja sinaran.

Program Perlindungan Sinaran yang komprehensif hendaklah mengandungi :

1. Jawatankuasa Perlindungan Sinaran (JPS)
2. Pegawai Perlindungan Sinaran (RPO)
3. Manual Program Perlindungan Sinaran (Manual PPS)
4. Audit Perlindungan dan Keselamatan Sinaran
5. Sumber

Maklumat terperinci bagi perkara di atas telah dinyatakan melalui surat edaran KPK bertarikh 22 Jun 2017: Makluman Edaran "Garis Panduan Penyediaan Manual Program Perlindungan Sinaran (PPS) Bagi Fasiliti Perubatan Kerajaan & Swasta".

Lampiran 4

- 1) Unit Perlindungan Sinaran diletakkan di bawah Pengarah Hospital/Institusi atau Orang Bertanggungjawab (OBTj).
- 2) Unit ini diketuai oleh Pegawai Sains (Fizik) dengan Gred Tertinggi.
- 3) Pegawai Penyelia Sinaran adalah di kalangan Pegawai Sains Fizik di hospital tersebut.
- 4) UPS akan dilaksanakan secara berfasa seperti berikut:

Fasa Tahun	Fasa 1 2025	Fasa 2 2028 - seterusnya
Fasiliti/ Hospital	a) Institut Kanser Negara b) Hospital Kuala Lumpur c) Hospital Pulau Pinang d) Hospital Sultanah Aminah JB e) Hospital Umum Sarawak f) Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah g) Hospital Sultan Idris Shah, Serdang	a) Hospital Sultan Ismail b) Hospital Sultanah Bahiyah c) Hospital Raja Permaisuri Bainun d) Hospital Seberang Jaya e) Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang. f) Hospital Ampang g) Hospital Sungai Buloh h) Hospital Selayang i) Hospital Kajang j) Hospital Putrajaya k) Hospital Raja Perempuan Zainab II l) Hospital Sultanah Nur Zahirah m) Hospital Tengku Ampuan Afzan n) Hospital Queen Elizabeth II Fasiliti perubatan berpakar yang mempunyai PSF selain daripada Fasa 1 dan Fasa 2 termasuk fasiliti baharu.

Nota:

- 1) Pelaksanaan UPS akan dilaksanakan di peringkat Program Perubatan terlebih dahulu dan akan diperluaskan ke lain-lain program termasuklah di Program Kesihatan Awam.
- 2) Bagi pelaksanaan di lain-lain hospital KKM, ianya akan dilaksanakan melalui arahan pentadbiran yang berasingan.